


Lukman Hakim A, Risydan M, Muhammad Irsyad TA, Nik Mohamad Ariff NH, Haslina O, Wan Norashikin WG
Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Puteh, Kelantan

1. PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

Klinik Kesihatan Pasir Puteh menyediakan perkhidmatan rawatan luka iaitu *conventional* atau *modern dressing*. Penjagaan luka yang berkualiti dan berkesan amat penting bagi menjamin kesembuhan luka yang cepat dan mengelakkan komplikasi. Pesakit yang hadir untuk prosedur rawatan luka akan diberi rawatan di Unit Kecemasan KK Pasir Puteh disebabkan oleh kekangan ruang di klinik tersebut.

S	Pesakit terjatuh ketika proses pemindahan ke katil disebabkan katil yang tidak boleh dilaraskan ketinggiannya
M	Kesukaran dapat diukur menggunakan borang soal selidik berdasarkan 5 faktor risiko
A	Penciptaan sebuah meja rawatan luka dapat membantu prosedur rawatan luka dan meningkatkan kepuasan pelanggan
R	Mencipta sebuah meja rawatan luka yang boleh dilaraskan ketinggiannya
T	Kajian ini dapat dilaksanakan dalam masa 4 bulan



2. PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

Peratusan pesakit yang hadir ke KK Pasir Puteh yang mengalami kesukaran semasa prosedur rawatan luka. Ini berdasarkan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kesukaran prosedur rawatan luka iaitu ruang yang sempit, penggunaan katil yang tinggi dan masa menunggu yang lama.


3. PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Data dikumpul berdasarkan borang soal selidik yang diberikan kepada 100 orang pesakit yang hadir untuk rawatan luka di KK Pasir Puteh berpandukan 5 soalan iaitu:

1	Adakah ruang kecemasan sempit
2	Adakah pesakit perlu berpindah ke katil yang tinggi
3	Adakah bantuan kakitangan lain diperlukan
4	Adakah katil digunakannya dengan pesakit kecemasan
5	Adakah masa menunggu melebihi 90 minit (dikira daripada masa pendaftaran sehingga selesai rawatan luka)

4. ANALISIS & INTERPRETASI

Daripada borang soal selidik tersebut, jika terdapat soalan yang ditandakan "Ya", maka ia dikira sebagai mengalami kesukaran. Jika semua soalan ditandakan "Tidak", ia dirumuskan sebagai tidak mengalami kesukaran. Hasilnya, 79% pesakit rawatan luka mengalami kesukaran berbanding hanya 21% sahaja yang tidak mengalami kesukaran. Purata masa menunggu pula adalah selama 2 jam 30 minit.




5. STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Merekacipta satu meja rawatan luka yang boleh dilaraskan ketinggiannya bernama *Drest'N'Go* bagi menggantikan penggunaan katil.



6. KESAN PENAMBAHBAIKAN

Hasil soal selidik selepas penambahbaikan mendapati hanya 8% responden mengalami kesukaran semasa prosedur rawatan luka, pengurangan sebanyak 71%. Purata masa menunggu dijamin menjadi satu jam sahaja kerana pesakit tidak lagi berkongsi katil dengan pesakit kecemasan. Kos mencipta sebuah *Drest'N'Go* adalah jauh lebih murah iaitu RM350 berbanding kos sebuah katil boleh laras berharga RM6000.



Perkara	Bil (Unit)	Kos (RM)	Jumlah (RM)
Drest'N'Go	9 buah	9 x 350	3,150
Katil boleh laras	9 buah	9 x 6,000	54,000
		PERBEZAAN	50,850

7. LANGKAH SETERUSNYA

Drest'N'Go telah direplikasi di dua buah klinik iaitu KK Pasir Puteh dan KK Cherang Ruku. Ia akan direplikasi lagi bagi kegunaan semua 9 buah klinik kesihatan di bawah selian PKD Pasir Puteh. Selain itu, kami akan berbincang dengan syarikat yang berkaitan bagi membangunkan *Drest'N'Go* agar dapat dipasarkan bagi membantu fasiliti-fasiliti kesihatan lain menambahbaik perkhidmatan rawatan luka yang sedia ada justeru meningkatkan kepuasan pelanggan dan imej jabatan.